

20 APR 1998  
Sukma-Badminton  
KUALA LUMPUR MARA KE SEPARUH AKHIR

SHAH ALAM, April 20 (Bernama) -- Juara bertahan dalam acara pasukan lelaki, Kuala Lumpur mara ke separuh akhir apabila mereka mengetepikan Negeri Sembilan 3-0 di dewan Persatuan Badminton Selangor (SBA) di Jalan Kampung Attap hari ini.

Kuala Lumpur pada tangga teratas Kumpulan A akan bertemu Perak, pemenang pingat perak Sukma di Kuantan tahun 1996, yang menjuarai Kumpulan D.

Kuala Lumpur, yang meletakkan harapan ke atas pemain simpanan skuad kebangsaan Ramesh Nathan, dengan muda menewaskan Liew Chee Cheong dari Negeri Sembilan 15-3,15-6.

Terdahulu dalam perlawanan perseorangan Yap Yee Jyen mengalahkan Lee Yong Fah meskipun kalah set pertama, 4-15, 15-4, 15-8.

Mahathir Mustafa dan Subramaniam terpaksa bekerja keras sebelum memusnahkan Chong Chun Cheong dan Chan Jia Hnoh juga dalam tiga set 15-2, 9-15, 18-13.

Selangor yang juga memburu pingat menurunkan Chan Chong Ming, pemain kebangsaan dalam skuad kelayakan Piala Thomas di Manila Mac lepas, mengesahkan tempat di dalam separuh akhir dan menjuarai Kumpulan B setelah menyingkir Perlis 2-1.

Chong Ming berpasangan dengan Yap Yee Min menang mudah 15-10, 15-2 di atas Sairul Amar dan A'amar Hashim. Terdahulu Siew Yian Siai menewaskan Sairul Amar dari Perlis 15-7, 15-9 dan Perlis menyamakan kedudukan melalui kemenangan Makhazim Mohamad yang mengalahkan Tan Soo Sen 15-12, 15-2.

Selangor akan berhadapan dengan Pulau Pinang dalam perlawanan separuh akhir. Pulau Pinang yang menjuarai Kumpulan C mengalahkan Kelantan 3-0.

KEPUTUSAN:

-----

Pasukan Lelaki:

Kumpulan A

Kuala Lumpur mn Negeri Sembilan 3-0

Yap Yeng Jyen mn Lee Yong Fah 4-15, 15-4, 15-8; Ramesh Nathan mn Liew Chee Choong 15-3, 15-6; Mahathir Mustafa/Subramaniam mn Chong Chun Cheong/Chan Jia Hnoh 15-2, 9-15, 18-13.

Kumpulan B

Selangor mn Perlis 2-1

Siew Yan Wai mn Sairul Amar 15-7,15-9; Tan Soo Sen kalah kepada Makhazim Mohamad 12-15, 2-15; Chan Chong Ming/Yap Wee Ming mn Sairul Amar/A'amar Hashim 15-10,15-2.

Kumpulan C

Sabah mn Melaka 2-1

Azahawari Osman mn Chong Hua Jin 15-10, 15-12; Wong Kok Ming mn Chua Siau Leong 18-17, 15-11; Sharil/Fadley kalah kepada Jeremy Gan/Ng Yan Fu 6-15, 5-15.

P.Pinang mn Kelantan 3-0

Lim Theam Teon mn Nik Ahmad Faiz 15-12, 15-11; Khor Eng Chiun mn Mohd Faiz 15-10, 17-15; Lim Theam Teon/Khoo Kok Kheng mn Mohd Hashim/Ahmad Mab'us 15-3,15-6.

Kumpulan D

Perak mn Johor

Yeoh Kay Bin kalah kepada Alvin Chew 12-15, 3-15; Lee Tsuen Seng mn Ng

Choon Kang 15-6, 7-15, 15-11; Song Weng Yee/Yeoh Kay Bin mn Teo Kok  
Seng/Wong Keng Loon 15-5, 15-8.

Pasukan Wanita:

Kumpulan A

Kuala Lumpur mn Melaka 3-0

Ng Mee Fen mn Vicki Rodrigues 11-3, 11-3; Woo Pui Kuan mn Wang Soon  
Lian 11-2, 3-11, 11-1; Ng Mee Fen/V.Kavitha mn Vicki Rodrigues/Wang Soon  
Lian 9-15, 15-12, 15-10.

Selangor mn Johor 3-0

Lee Winnie mn Teo Heng Yen 11-1, 11-0; Wong Pet Tty mn Teo Hing Siew  
11-1, 11-1; Lee Winnie/Chong Nga Fan mn Ng Soo Mui/Hardiana Jalil 15-8,  
15-5.

Kumpulan B

Pahang mn Perak 2-1

Chew Pei Jin kalah kepada Lim Poh Ching 11-12, 7-11; Leau Hui Ming mn  
Karen Lim 11-1, 10-12, 11-1; Leau Hui Ming/Ho Shuh Mei mn Tham Wai See/Lam  
Yin Ling 15-13, 15-10.

Penang mn Sarawak 3-0

Chin Eei Mui mn Susana Chai 11-6, 11-4; Cindy Lim mn Justina Annette  
7-11, 11-9, 11-7; Wong Siew Hong/Chin Eei Mui mn Ang Lee Ching/Susana Chai  
15-1, 15-5.

Penang mn Kedah 3-0

Chin Eei Mui mn Goi Bok Jia 11-1, 11-3; Wong Siew Hong mn Fong Chew Yen  
11-6, 11-7; Chin Eei Hui/Wong Siew Hong mn Fong Chew Yen/Lau Hooi Woon  
15-4, 15-1.

Kumpulan B

Sarawak mn Pahang 2-1

Andrea Chong kalah kepada Chew Pei Jin 9-11, 8-11; Justina Annette mn  
Leau Hui Ming 7-11, 12-10, 11-7; Ng Lee Ching/Andrea Chong mn Leau Hui  
Ming/Ho Shuh Mei 3-15, 17-14 dan 15-12.

-- BERNAMA

SHS ZAB